

27 JAN 2004

PERDANA MENTERI TANGGUH LAWATAN KE MYANMAR

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menangguhkan lawatan beliau ke Myanmar yang dijadualkan pada Khamis ini.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri penangguhan itu dibuat kerana Abdullah mengalami batuk dan sakit tekak sejak Sabtu lepas.

Kenyataan itu juga menyebut tarikh lawatan Perdana Menteri ke negara itu akan ditetapkan kemudian.

Abdullah kini dalam siri kunjungan hormat ke negara-negara Asean selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas. Myanmar merupakan destinasi terakhir beliau dalam siri lawatan itu.

-- BERNAMA
NM NM PR